

SOALAN NO. 27**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK DR. EWON BIN
EBIN [RANAU]**

TARIKH : 6 MAC 2018

SOALAN :

YB Datuk Dr. Ewon Bin Ebin [Ranau] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

(a) sama ada Kerajaan Persekutuan telah memperincikan hak-hak negeri Sabah yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963, yang telah "terambil" oleh Kerajaan Persekutuan ; dan

(b) bilakah proses pemulangan semula hak-hak ini kepada Kerajaan Negeri Sabah akan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan.

53

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal telah dibentuk yang dianggotai oleh wakil Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dan wakil Kerajaan Persekutuan.

Mesyuarat di peringkat Jawatankuasa Teknikal telah pun diadakan sebanyak empat kali iaitu pada 10 Ogos 2016, 27 September 2016, 1 Disember 2016 dan 23 Januari 2018. Seterusnya, perkara yang dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bil. 1 hingga 3 tersebut telah pun diangkat untuk pertimbangan lanjut di peringkat Jawatankuasa Pemandu.

Proses pelaksanaan *devolution of authority* ini merupakan suatu proses yang berterusan (*ongoing*) dan rundingan dengan pihak-pihak yang berkenaan sedang dijalankan dan belum dimuktamadkan. Oleh itu, butiran terperinci mengenai mesyuarat yang telah diadakan belum boleh didedahkan kepada umum memandangkan status mesyuarat tersebut bertaraf Rahsia.

Sekian, terima kasih.